

Tun Mahathir gagal ketepi sepina Jamal

SINAR HARIAN

19 JANUARI 2018

SITI AZIELAH WAHI

KUALA LUMPUR - Pengerusi Bersatu, Tun Dr Mahathir Mohamad sebentar tadi gagal dalam permohonannya untuk mengetepikan sepina yang diperoleh Pengerusi Gabungan NGO 1Malaysia, Datuk Seri Jamal Md Yunus supaya beliau hadir dan memberi keterangan dalam kes saman yang dikemukakan oleh Pengerusi Bersih 2, Maria Chin Abdullah.

Perkara itu dimaklumkan peguam Ilyani Nor Khuszairy yang mewakili bekas perdana menteri itu ketika kes itu disebut dalam kamar hakim Datuk Mohd Zaki Abdul Wahab.

Prosiding itu turut dihadiri peguam N Surendran dan Latheefa Koya yang mewakili Maria Chin dan peguam Mohd Nassier Yusuf.

Bercakap kepada pemberita, Ilyani memaklumkan mahkamah menolak permohonan Mahathir atas alasan bekas perdana menteri itu mempunyai pengetahuan berkaitan hal yang dibangkitkan selain ada mengeluarkan kenyataan ketika perhimpunan Bersih 3.

"Mahkamah percaya beliau (Tun Mahathir) boleh membantu mahkamah dengan memberi keterangan sebagai saksi defendan," katanya.

Selain itu, menurut peguam itu, mahkamah juga percaya Tun Mahathir mempunyai pengetahuan berkaitan penahanan arwah suami kepada plaintif (Maria Chin) iaitu Mohamad Yunus Lebai Ali yang pernah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana ketika itu beliau merupakan menteri dalam negeri.

Yunus ditahan di bawah ISA pada 1987 pada Operasi Lalang dan meninggal dunia pada 25 September 2010.

Dalam pada itu, mahkamah hari ini dijadual menyambung perbicaraan dengan mendengar keterangan daripada saksi terakhir plaintif iaitu Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Walau bagaimanapun, Anwar tidak dapat hadir susulan beliau mengalami masalah kesihatan.

Sehubungan itu perbicaraan kes itu akan diteruskan pada 5, 7, 8 dan 9 Mac depan.

Aktivis hak asasi itu menyaman Jamal pada 7 Oktober 2016 kerana Ketua Umno Sungai Besar itu mengaitkan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu dengan Daesh.

© 2017 All Rights Reserved • Karang kraf Group Media • © 2017 Hakcipta Terpelihara • Kumpulan Media Karang kraf

Source: <http://www.sinarharian.com.my/semasa/tun-mahathir-gagal-ketepi-sepina-jamal-1.785884>